

KUTKM meterai MoU teknikal

Archival News | Berita Harian | 16/04/2005

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dalam bidang pendidikan teknikal dengan dua universiti terkemuka di Australia, baru-baru ini.

Pengarah Perhubungan Korporat dan Antarabangsa KUTKM, Prof Madya Dr Mohd Ridzuan Nordin, berkata dua universiti berkenaan ialah RMIT University dan University of South Australia.

Katanya, kedua-dua universiti itu adalah pelopor pendidikan teknikal di

Australia dan adalah ahli Australian Technological University Network.

Beliau berkata, pemeteraian berkenaan akan membolehkan jalinan kerjasama dalam aspek pembangunan sumber manusia, pengenalan program `split PhD', pertukaran pelajar serta kegiatan penyelidikan dan pembangunan.

"RMIT University dipilih sebagai rakan strategik bagi bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik, manakala University of South Australia pula dalam bidang pembuatan termaju, terutama yang berkaitan pembuatan automotif," katanya.

(END) Source : Berita Harian